

# Tamu Gadang di UMS

21 Nov - 2 Dis

UM 17/11/83 35

KOTA KINABALU 16 Nov. - Orang ramai dipelawa memeriahkan Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah (UMS) bermula 21 November hingga 2 Disember ini di pekarangan bangunan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni universiti itu.

Seksyen Hubungan Media, Bahagian Perhubungan UMS dalam satu kenyataan hari ini berkata, program itu diadakan bersempena dengan Majlis Konvokesyen UMS ke-13 yang akan dirasmikan oleh Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin pada 23 November ini.

"Selain gerai jualan dan pameran, pelbagai aktiviti turut diadakan sepanjang program tersebut, antaranya pertandingan bola tampar, bola jaring, hoki, pertandingan jangan lupa lirik, bayi sihat, persembahan silap mata, gema akustik, koir dan sebagainya," kata beliau.